

Analisa Filem Redha Berdasarkan Kriteria Pematuhan Syariah

Hajar Opir^{1*}, Mohammed Yusof², Wan Yusnee Abdullah³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

³Pusat Pembangunan Pengajian Asasi, Universiti Selangor
Selangor, Malaysia

*Pengarang Penghubung
hajar_opir@uitm.edu.my

Received: 20 March 2021
Accepted: 30 September 2021
Online First: 22 November 2021

ABSTRAK

Filem sebagai wahana seni merupakan manifestasi pemikiran sutradara. Fungsinya sebagai medium pembinaan karektor yang berorientasikan nilai dalam aspek kognitif, psikomotor dan efektif tidak dapat dinafikan. Walau bagaimanapun, pembikinan filem seharusnya selari dengan kepatuhan piawaian syarak tanpa meminggirkan kreativiti dan citra budaya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmana filem Redha menepati kriteria pematuhan syariah berpandukan prinsip, hukum fiqh, garis panduan dan fatwa berkaitan filem yang telah sedia ada di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisa isi kandungan filem. Dapatan kajian dianalisa menggunakan kaedah CAVDI-xpro (Computer Assisted for Video Data Index using x program iaitu informasi data video berbantu komputer di mana 'x' adalah penggunaan computer untuk melihat scene berdasarkan kod masa) dan ATLAS.ti. Hasil kajian mendapati bahawa kriteria pakaian adalah yang terbesar yang tidak



menepati pematuhan syariah iaitu berdurasi 18 minit 25 saat bersamaan 75 peratus daripada jumlah keseluruhan kajian yang tidak patuh syariah.

Kata Kunci: *filem, kriteria, pematuhan syariah*

Analysis of the Redha Film Based on the Shariah Compliance Criteria

ABSTRACT

Film is an art medium that manifests the thinking of the directors. It is undeniable that its function as a character development medium is based on values in the aspects of cognitive, psychomotor, and effectiveness. However, the production of a film needs to meet the standard syarak compliance criteria without neglecting creativity and description of culture. Therefore, this study aims to examine how far the film Redha complies with Syariah according to principle, fiqh law, guidelines, and fatwa related to current films in Malaysia. This study utilized a qualitative analytical framework, specifically film content analysis. The findings are analyzed using CAVDI-xpro method (Computer Assisted for Video Data Index using x program, which is computer-assisted informative data video where 'x' is the usage of computer to examine scene according to time code) and ATLAS.ti. The results show that clothing is the biggest criterion that did not comply with Syariah which has a total of 18 minutes 25 seconds in duration, equivalent to 75 percent of the entire study of non- Syariah compliance.

Keywords: *film, character, syariah compliance*

PENDAHULUAN

Kepesatan penerbitan filem dalam pelbagai genre di Malaysia hakikatnya masih memerlukan panduan agar menepati piawaian syarak. Sebagai negara yang memartabatkan Islam bahkan termaktub dalam perlembagaan Malaysia dalam perkara 3(1) iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan maka usaha-usaha bagi menegakkan syariat Islam hendaklah menjadi keutamaan termasuklah dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan. Filem merupakan salah satu cabangnya.

Menurut Kamus Dewan kriteria membawa maksud ukuran (asas pertimbangan) untuk menentukan nilai (baik buruknya) atau dasar untuk menentukan nilai (kategori) sesuatu. Pematuhan berasal dari kata dasar patuh yang bermaksud menurut (perintah, peraturan, hukum dan lain-lain), taat dan tidak membantah. Ia juga bererti tidak membantah sebarang suruhan atau perintah (Noresah Baharom, 2007).

Manakala syariah didefinisikan sebagai perundangan Islam. Menurut Muhammad Rashid Redha ia bererti undang-undang atau aturan-aturan yang bersifat *amaliyyah* (praktikal) dan berbeza menurut perbezaan Rasul (Muhammad Rashid Redha, 1967). Ia merujuk kepada segala hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada hambanya untuk diikuti sama ada hubungannya kepada Allah dan hubungan sesama manusia berasaskan dalil-dalil utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah (Hasbi Ashidqi, tt). Justeru, syariah ialah undang-undang, aturan-aturan dan ketetapan-ketetapan Allah SWT yang diperuntukkan oleh manusia dalam rangka mengatur hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia untuk mencapai kesejahteraan, keamanan dan kedamaian di dunia bagi menyelamatkan mereka bagi mencapai kehidupan abadi di alam akhirat (Jafril Khalil, 1999). Para ulama kemudiannya berjihad untuk mengeluarkan hukum-hukum sesuai dengan realiti dan kondisi semasa berdasarkan ilmu dan kefahaman terhadap dalil-dalil utama seperti *qiyas*, *maslahah*, *istihsan*, *isitishab*, *sadd zari'ah* dan lain-lain lagi. Justeru, patuh syariah bermaksud keakuran terhadap piawai syarak secara total dalam kehidupan berpandukan hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT berasaskan sumber utama (*primer*) dan sumber sokongan (*sekunder*).

Filem pula bermaksud lakon (cerita) gambar hidup atau segala sesuatu yang berkaitan dengan gambar hidup (Adi Prajaya, 1999). Ia juga disebut *movie* atau *cinema* iaitu gambar hidup berbentuk seni yang popular bagi tujuan hiburan dan perniagaan (Heru Efendi, 2002). Ia juga adalah imej yang terhasil dalam bentuk bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yg ditulis, diolah dalam bentuk dialog, visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakam menggunakan kamera, diolah dengan menggunakan berbagai-bagai kepentingan dan matlamat untuk dipamerkan serta tayangan di panggung-panggung wayang dan televisyen (Asiah Sarji et al., 1996). Menurut Naim Hj Ahmad filem ialah wahana kreatif yang bersifat kreatif (*discursive*) melibatkan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi,

matlamat dan pelbagai kemahiran yang memaparkan cerita serta cermin kepada budaya masyarakat tertentu sama ada cerita itu benar, khayalan atau cerita yg digarap secara harmoni menjadi syot, kesatuan syot-syot menjadi jujuk, kesatuan jujuk menjadi babak dan seterusnya kesatuan babak-babak menjadi sebuah teks atau cerita (Naim Hj Ahmad (2011).

Justeru, kriteria pematuhan syariah bermaksud nilai atau piawaian tertentu yang boleh dijadikan ukuran berdasarkan prinsip syarak yang bersifat holistik dan mapan.


KRITERIA PEMATUHAN SYARIAH DALAM FILEM

Pembentukan kriteria filem patuh syariah adalah berdasarkan kepada kaedah tringulasi data iaitu data yang melibatkan pengutipan pelbagai sumber dan jenis data untuk menyelidiki fenomena yang sama. Dalam konteks pembinaan kriteria patuh syariah dalam filem adalah berdasarkan kepada pelbagai sumber tetapi terfokus kepada tema yang sama iaitu kepatuhan syariah dan filem. Data dan sumber kriteria dirangka berdasarkan perbincangan prinsip Islam, hukum fiqah, enam (6) fatwa iaitu tiga (3) fatwa-fatwa daripada Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MJMFK) dan tiga (3) Fatwa Negeri (WN) serta garis panduan daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL).

Bagi memastikan keabsahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) kriteria ini, wawancara telah dilakukan kepada lima (5) kumpulan pakar iaitu Azhari Mohd Zain (Pengarah Filem 7 Petala Cinta, 2012), Anhar Bin Opir (Sahibus Samahah (SS) Timbalan Mufti Selangor), Naim Hj. Ahmad (Ketua Juri Anugerah Skrin 1998-2016), Hairulazam Ramli (Ketua Unit Kawalan Kandungan TV Hijrah Media Corporation) dan Suria Shapie dan Radihan Saari (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM).

Akhirnya, penulis membuat rumusan kriteria filem patuh syariah adalah merangkumi aspek akidah, akhlak, pakaian, watak, nyanyian,

muzik, perkakasan dan latar atau lokasi. Manakala setiap kriteria tersebut diperincikan elemen-elemennya. Rajah 1 menunjukkan proses kriteria pematuhan filem dibina.



Rajah 1: Pembinaan Kriteria Pematuhan Syariah Dalam Filem

Berdasarkan rajah di atas, kajian ini memberi fokus kepada filem Redha (Tunku Mona Riza, 2016) bagi menilai aspek kepatuhan syariah dalam teks filem.

PROFILE DAN SINOPSIS FILEM REDHA

Filem Redha diarah oleh Tunku Mona Riza dan telah ditayangkan pada 14 April 2016. Genre filem ini bertemakan keluarga. Berdurasi selama 114 minit. Encik Haris Sulong adalah penerbit filem ini di bawah syarikat Current Picturea Sdn. Bhd. Filem ini telah memenangi Anugerah Skrin 2016 kategori filem terbaik. Di peringkat antarabangsa telah dianugerahkan sebagai Special Prize 'Russian Guild of Cinema Critic', Special President Tartarstan Prize 'Humanism in Cinematography' dan Best Ensemble of Actor di Kazan International Festival of Muslim Cinema 2016. Filem Redha memaparkan kehidupan pasangan suami isteri, Alina dan Razlan menjadi terumbang-ambing dalam menghadapi realiti perjuangan sebenar untuk membesarkan seorang anak istimewa selepas mendapati bahawa anak mereka Danial menghidap *autisme*. Ketidaksanggupan Razlan untuk

menerima kebenaran menyebabkan kedinginan dalam keluarga, tetapi ketabahan Alina dan naluri seorang ibu membantu mereka dalam melalui detik yang sukar untuk membesarkan Danial. Sokongan dan bantuan adik dan teman rapatnya, mereka telah menemui cara khusus untuk membantu dan mendidik Danial, sehinggalah satu kemalangan tragis menyebabkan keluarga ini terpaksa dibina semula.

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisa kandungan. Analisa kandungan memilih enam kriteria iaitu akidah, akhlak, latar, watak, pakaian dan perkakasan serta pengimejan untuk dikaji. Manakala filem Redha sebagai sampel kajian. Analisa data adalah menggunakan kaedah CAVDIX-pro (*Computer Assisted for Video Data Index using x program* iaitu informasi data video berbantu komputer di mana 'x' adalah penggunaan komputer untuk melihat *scene* berdasarkan kod masa). Oleh kerana data yang diambil adalah daripada bahan video yang diberi oleh penerbit filem Redha sendiri dan menggunakan pemacu pena maka durasi data *in* dan *out* diambil mengikut kaedah CAVDI adalah berasaskan pemacu pena daripada penerbitnya. Justeru nota kaki ditulis sebagai CAVDI. Pemacu pena penerbit sebagai ganti x-pro. *Time* dalam gambar rajah adalah menunjukkan kod masa. Manakala perisian ATLAS.ti pula menggunakan kaedah Strauss and Corbin's yang mengguna pakai sistem pengkodan dan petikan bagi mendapatkan data yang sistematik dan tepat (Anselm Strauss and Juliet M. Corbin, 1998).

SKOP KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada ketidakpatuhan syariah berdasarkan empat kriteria iaitu akidah, akhlak, pakaian dan watak. Perincian setiap kriteria adalah seperti jadual di bawah;

Jadual 1: Kriteria Kepatuhan Syariah

Kriteria	Perincian Item
Akidah	Kepercayaan, keyakinan dan prinsip penting yang menekankan keteguhan setiap rukun Iman.
Akhlak	Kelakuan, tingkahlaku dan budi pekerti yang dipamerkan dalam <i>scene</i> termasuk ungkapan dan ucapan
Pakaian	Busana yang menepati piawaian syarak sama ada lelaki atau wanita
Watak	Sifat keperibadian yang terserlah dalam bentuk lakonan fizikal


DAPATAN KAJIAN

1. Analisa Filem *Redha* Berdasarkan Kriteria Pematuhan Syariah

Analisa kriteria pematuhan syariah ini merangkumi empat (4) aspek iaitu akidah, akhlak, pakaian dan watak

(a) Akidah

Terdapat satu *syot* yang menunjukkan adegan tidak redha terhadap ketentuan Allah SWT. Ini termasuk dalam elemen akidah iaitu mempersoalkan kesucian Islam iaitu yang terangkum dalam rukun iman seperti dalam gambar rajah di bawah dan petikan.



Gambar Rajah 1


Gambar rajah 1 memaparkan riak muka Alina penuh kekecewaan. Beliau kesal terhadap layanan guru tadika di kampungnya terhadap Danial yang menganggap anaknya terencat akal. Luahan perasaannya seolah-olah tidak dapat menerima hakikat dan takdir Ilahi sehingga mengungkapkan kata-kata yang mempersoalkan qada dan qadar Allah SWT.

Dialog Alina: *Danial.. Apa salah aku dapat anak macam ini?*
(00:38:27)

Ungkapan Alina seperti di atas tidak mencerminkan peribadi Muslim yang beriman dengan segala ketentuan Allah SWT (Ahmad Bin Abdul Halim, 1997). Perasaan menyesal atau menyalahkan takdir boleh membawa kepada kerosakan akidah. Sebaliknya sifat redha dengan ketentuan Allah SWT adalah sifat Muslim sejati (Abdullah Said et. al, 2011). Walaupun secara keseluruhan plot akhirnya beliau menerima takdir tersebut, namun aspek iman tidak boleh dipandang ringan kerana melibatkan keimanan kepada Allah SWT. Solusinya adalah pemilihan perkataan yang tepat yang tidak boleh ditafsirkan sebagai mempersoal rukun iman.

(b) Akhlak

Tema filem ini mengangkat martabat Orang Kelainan Upaya (OKU). Ini selaras dengan ajaran Islam yang perihatin kepada mereka yang diuji oleh Allah SWT dengan kelahiran tidak normal. Namun, terdapat beberapa klip gambar yang memaparkan babak situasi ini seperti ditunjukkan pada gambar rajah 2 dan petikan.



Gambar Rajah 2

Ia memaparkan dialog ibu Faizal bersama Sasha dan Faizal ketika berada di dapur. Kondisi di mana ibu Faizal menjemput Sasha bertandang ke rumahnya bagi mengetahui latar belakang keluarga Sasha. Apabila Sasha mendedahkan bahawa beliau mempunyai anak saudara *autisme* ibu Faizal secara langsung menyatakan pendiriannya tidak mahu dalam kalangan keluarganya mempunyai anak *autism*.

Dialog Ibu Faizal: *Ibu tak nak cucu anak autisme?*

Bukan senang nak jaga? (00:43:46-00:43:48)

Lenggok suaranya ibu Faizal secara jelas mengandungi nada mengejek dan menghina golongan *autisme*. Sedangkan menghina itu tidak disukai oleh Allah SWT bahkan termasuk dalam sifat yang keji (Al-Ghazali, 2005). Selain itu terdapat adegan yang mengandungi sifat *mazmumah* pada dua syot yang berbeza seperti mana dalam gambar di bawah.



Gambar Rajah 3

Gambar Rajah 4

Gambar rajah 3 memaparkan kata-kata Sasha kepada dua orang wanita ketika berada di dalam pasar raya. Situasi di mana Danial yang telah merayau dan menghilangkan diri dijumpai oleh Razlan dan Sasha di salah sebuah kedai. Danial meronta-ronta melepaskan diri ketika dimarahi oleh ayahnya, Razlan. Kelibat Danial ini menyebabkan dua wanita yang berdekatan bercakap-cakap tentang kelakuan Danial yang tidak beradab dan dalam nada yang menjengkelkan. Ini membangkitkan kemarahan Sasha sehingga mengeluarkan kata-kata yang tidak baik terhadap dua wanita tersebut.

Dialog Sasha: *Jaga mulut kamu. Anak buah aku ni bukan bodoh.. BODOH.* (01:07:35)

Manakala gambar rajah 4 memaparkan kanak-kanak di tadika yang mengejek-ngejek sambil melemparkan kata-kata nista kepada Danial disebabkan kelakuannya yang pelik tidak seperti kanak-kanak normal. Kondisi ini berlaku ketika Alina berkunjung di tadika Danial untuk berjumpa dengan ketua guru.

Dialog *Kanak-kanak tadika: Cikgu...Danial gila! Danial gila!* (00:38 :43)

Islam melarang umatnya daripada menyakiti orang lain sebaliknya menganjurkan sifat rahmah dan berkasih sayang kepada seluruh manusia khususnya Orang Kelainan Upaya (Ahmad Bin Muhammad Abdullah, 2015).

(c) Watak

Peranan watak dalam menghidupkan filem memang tidak dapat dinafikan sebagai suri teladan (*role model*) kepada audien. Namun, terdapat tiga elemen yang tidak signifikan dengan kriteria filem patuh syariah seperti mana ditunjukkan seperti jadual di bawah dan petikan.

Jadual 2: Kriteria Watak

Bil	Keterangan
1	Berlaku adegan sentuhan antara lelaki dan wanita seperti bertepuk atau sentuhan tangan pada anggota badan wanita atau lelaki
2	Berlaku adegan bersalaman antara lelaki dan wanita bukan mahram
3	Adegan atau simbol yang boleh ditafsirkan sebagai tidak menerima ketentuan Allah SWT.

Jadual 2 adalah kriteria watak berserta perincian keterangan yang tidak signifikan dengan kepatuhan syariah berdasarkan filem ini.

- (i) Berlaku adegan sentuhan antara lelaki dan wanita seperti bertepuk atau sentuhan tangan pada anggota badan wanita atau lelaki yang bukan mahram.

Analisa kajian mendapati terdapat adegan sentuhan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram pada dua *syot* seperti mana gambar rajah di bawah.



Gambar Rajah 5

Gambar Rajah 6

Gambar rajah 5 menunjukkan Sasha berusaha menghalang Razlan daripada mengapa-apakan Danial yang baru dijumpai oleh mereka berdua di salah sebuah kedai dalam pasar raya. Tindakan pantas Sasha berjaya menyelamatkan Danial daripada sebarang perbuatan fizikal ayahnya. Namun berlaku sentuhan tangan Sasha ke atas tangan abang iparnya Razlan (01:07:18). Perbuatan Sasha yang cuba meleraikan kemarahan Razlan terhadap Danial adalah suatu tindakan terpuji. Namun dalam apa keadaan sekalipun, segala tindak tanduk mestilah mematuhi piawaian syarak. Menyentuh tangan atau mana-mana anggota yang bukan mahram adalah dilarang sama sekali (Al-Bukhari, 2011).

Begitu juga situasi sentuhan berlaku di antara Mak Jah dengan Razlan. Ironinya ia dalam keadaan sedar di mana Mak Jah menyentuh Razlan sedangkan mereka bukan mahram seperti ditunjukkan pada gambar rajah 6. Ini berlaku ketika Mak Jah bersama Asan dan Siti serta pekerja resort memberi penghormatan terakhir kepada Razlan dan Danial sebelum mereka berdua berangkat ke Kuala Lumpur dengan menaiki bot di jeti (01:07 :18).

- (ii) Berlaku adegan bersalaman antara lelaki dan wanita bukan mahram.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua *shot* yang memaparkan adegan bersalaman antara lelaki dan wanita. Gambar rajah 7 memaparkan Razlan bersalaman dengan seorang guru berbangsa India ketika sampai di tadika di salah sebuah pusat *autisme* yang terletak di Kuala Lumpur (0:29:19). Manakala gambar rajah 8 menunjukkan Danial bersalaman dengan guru wanita sebelum pulang ke rumahnya (01:32:54).




Gambar Rajah 7

Gambar Rajah 8

Islam mendidik umatnya untuk saling menghormati dan memahami silang agama, bangsa dan budaya yang berbeza lebih-lebih lagi dalam kemajmukan masyarakat di Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat batas tertentu dalam interaksi dan hubungan yang melibatkan hukum. Muhammad Nasuruddin al-Bani menegaskan bahawa Islam melarang bersalaman antara lelaki dengan wanita yang bukan muhram kerana termasuk dalam lingkungan sentuhan yang diharamkan demi menjaga kemaslahatan (Muhammad Nasuruddin al-Bani, 1958).

- (iii) Adegan atau simbol yang boleh ditafsirkan tidak redha kepada Ilahi.

Terdapat beberapa *scene* yang wujud dalam elemen ini. Gambar rajah 9 adalah adegan yang signifikan yang menggambarkan Razlan tidak boleh menerima hakikat bahawa anaknya Danial mengidap *autism*. Mak Jah sendiri bertemu Razlan secara bersemuka setelah usaha Alina untuk menyakinkan suaminya menemui jalan buntu. Beliau mengambil inisiatif sendiri berbincang hati ke hati sambil menitipkan nasihat selaku orang tua yang telah melalui pengalaman hidup yang pelbagai. Namun, Razlan memberi respon negatif dengan mencampakkan kertas tanda protes (00:48:21-00:48:23).



Gambar Rajah 9

Perbuatan Razlan membuang kertas ditafsirkan sebagai simbol kepada keengganan menerima takdir Ilahi. Ia mencerminkan luahan dalaman tanda kekecewaan yang amat mendalam bahawa anaknya Danial tergolong dalam kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU). Sedangkan Islam menganjurkan agar umatnya sentiasa menerima ketentuan Allah SWT dengan hati terbuka kerana setiap perencanaan Allah SWT tersembunyi hikmah yang banyak (Abdullah Said et. al, 2011).

(d) Pakaian


Kriteria pakaian diukur dengan beberapa elemen seperti perincian jadual 3 dan petikan (*quotation*).

Jadual 3: Kriteria Pakaian

Bil	Keterangan
1	Wajib menutup aurat berdasarkan kepatuhan syarak.
2	Tidak memakai tudung yang sempurna hingga ke paras dada
3	Tidak memakai pakaian yang nipis hingga menampakkan warna kulit, coli (baju dalam) dan jelas bentuk payu dara
4	Tidak memakai pakaian yang ketat hingga menampakkan bentuk tubuh
5	Tidak mencukur alis mata
6	Tidak memakai kalung atau rantai.

Jadual 3 adalah kriteria pakaian berserta perincian keterangan yang tidak signifikan dengan kepatuhan syariah berdasarkan filem ini.

(i) Wajib menutup aurat berdasarkan kepatuhan syarak.



Gambar Rajah 10

Gambar Rajah 11




Gambar Rajah 12

Gambar rajah 10 hingga 12 adalah sampel watak Alina yang tidak menutup aurat dalam kondisi ruang di dalam yang tertutup dalam pelbagai lokasi. Petikan di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah.

Alina bersembang dengan suaminya Razlan berkaitan anak mereka Danial di atas katil dalam bilik tidur (00:04:27).

Alina berjumpa doktor di klinik untuk memeriksa tingkahlaku Danial yang agak pelik (00:11:21).

Sasha bersama Alina dan Kath mengajar Danial dengan pendekatan kurikulum autism yang betul di rumah Sasha (00:55:49).

		
Time 01:38:00	Time 00:50:56	Time 01:44:22

Gambar Rajah 13

Gambar Rajah 14

Gambar Rajah 15

Gambar rajah 13 hingga 15 adalah sampel watak Sasha dan Ain dan kawan Alina yang tidak menutup aurat dalam kondisi di luar rumah. Petikan di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah.

Sasha makan malam bersama Razlan, Danial dan Azim di sebuah restoran (01:38:00).


Ain salah seorang kawan Alina menceritakan perkembangan diri dan keluarganya semasa re-unian di Pulau Redang (00:50:56).

Kawan Alina hadir memberi sokongan moral kepada Danial dalam pertandingan renang di Pusat Akuatik Shah Alam (01:44:22).

Majoriti ulama mazhab Syafi'e, sepakat bahawa aurat wanita di hadapan lelaki yang bukan muhrim adalah seluruh tubuh mereka melainkan muka dan kedua tapak tangan (Al-Baghawi, 1997). Ini bersandarkan dalil ayat al-Quran surah al-Nur ayat 31. Menurut Ali al-Shabuni ayat di atas menjelaskan bahawa aurat wanita adalah seluruh tubuh kecuali wajah dan kedua tapak tangan (Muhammad 'Ali al-Shabuni, 1977).

- (ii) Tidak memakai tudung yang sempurna hingga ke paras dada

Analisa kajian mendapati terdapat banyak *scene* yang tidak menepati elemen ini seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah 16 hingga 18. Majoritinya adalah watak Mak Jah, namun kajian hanya menunjukkan sempel pelbagai lokasi.



Gambar Rajah 16 Gambar Rajah 17 Gambar Rajah 18

Petikan di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah.

Emak Faizal sedang berbual dengan Shasa di dapur sambil bertanya latar belakang keluarganya (00:41:37).

Salah seorang kawan Alina yang hadir dalam *re-union* untuk memberi sokongan moral kepada Alina (00:50:12).

Mak Jah menyuruh agar Razlan bermain bersama Danial di pantai demi menyuburkan kasih sayang antara mereka berdua (01:04:48).

Semua paparan scene menunjukkan adegan pemakaian tudung tetapi tidak sempurna dalam pelbagai lokasi dan situasi. Menurut Al-Qurtubi wajib bagi wanita memakai tudung sehingga menutupi dadanya. Ia dinamakan jilbab seperti mana yang dikomentari oleh Ibn. Kathir iaitu baju yang longgar atau lebar dan lebih lebar daripada selendang atau kerudung (al-Qurtubi, 1935).

- (iii) Tidak memakai pakaian yang nipis hingga menampakkan warna kulit, coli (baju dalam) dan jelas bentuk payu dara

Scene yang memaparkan pakaian nipis sehingga menampakkan coli (baju dalam) ditunjukkan dalam gambar rajah 19. Kondisi di mana Alina yang baru sampai ke rumah adiknya Sasha di Kuala Lumpur untuk untuk berjumpa doktor pakar bagi mendiagnosis Danial yang berkelakuan ganjil (00:22:58). Manakala gambar rajah 20 menunjukkan Sasha di klinik pakar kanak-kanak ketika menemani kakaknya, Alina. Kehadirannya bertujuan memberi sokongan moral kepada kakaknya (00:56:20).



Gambar Rajah 19

Gambar Rajah 20

Al-Syirazi menyatakan bahawa pakaian yang nipis sehingga menampakkan bahagian dalam adalah tidak dibenarkan dan termasuk antara kategori dosa-dosa besar (al-Nawawi, 1969). Filem ditonton oleh khalayak umum yang lazimnya dalam kalangan yang bukan mahram.

- (iv) Tidak memakai pakaian yang ketat hingga menampakkan bentuk tubuh

Analisa data menunjukkan *scene* bagi elemen ini terdapat dalam pelbagai adegan khususnya watak Alina dan Sasha seperti dipaparkan dalam gambar rajah di bawah.



Gambar Rajah 21


Gambar Rajah 22

Babak Alina tergesa-gesa mencari Danial yang menghilangkan diri dari rumahnya dipaparkan gambar rajah 21. Beliau bergegas ke pantai dan berjaya menyelamatkan Danial daripada lemas (00:08:25). Dalam gambar rajah 22 pula menunjukkan Sasha menyambut kehadiran kakaknya Alina yang baru sampai dari Terengganu di rumahnya (00:13:12). Wanita muslimah wajib menjaga penampilan pakaiannya berlandaskan kehendak syarak. Islam melarang pakaian ketat bagi wanita dalam kondisi berhadapan dengan lelaki bukan ajnabi (Al-Syafie, 2002).

Dalam konteks filem, semua adegan wanita sama ada di ruang dalam yang tertutup mahupun luar rumah terdedah kepada tontonan umum yang kebanyakannya adalah bukan mahram. Justeru, menjadi kewajipan pelakon wanita agar menepati piawaian pakaian menurut kehendak syarak.

- (v) Tidak mencukur alis mata.

Terdapat satu *syot* adegan wanita muslim yang mencukur alis mata seperti gambar rajah di bawah.



Gambar rajah 23

Gambar rajah 5.19 memaparkan Ain salah seorang kawan Alina yang hadir dalam *re-union* yang telah rancang oleh Kath di Wisana Resort yang terletak di Pulau redang (01:18:52). Islam tidak menghalang wanita Muslim untuk berhias demi menonjolkan personaliti yang anggun tetapi hendaklah menepati piawaian syarak. Yusuf al-Qaradawi menjelaskan bahawa hukum mencukur alis mata bagi wanita adalah dilarang (Yusuf al-Qaradhawi, 1980).

- (vi) Tidak memakai kalung atau rantai.




Dalam filem ini terdapat *scene* yang memaparkan adegan Azim yang memakai rantai di tangan kirinya. Ia ditunjukkan pada gambar rajah di bawah.







Gambar Rajah 24







Islam membenarkan lelaki untuk memakai pelbagai jenis pakaian. Walau bagaimanapun Islam melarang keras orang lelaki memakai gelang tanpa mengira jenis gelang sama ada emas, perak, tembaga, besi atau benang seperti yang terkandung dalam hadis riwayat Ibn Majah (Ibn Majah, 1984).

Jadual 4: Rumusan Kriteria Ketidak Patuhan Syariah

No	Klip Visual	Diskripsi Dialog/Petikan	Kod Masa in- out	Durasi Klip
1	<u>Akidah.</u> Persoal qada' qadar 	Dialog: <i>Alina: Danial..Apa salah aku dapat anak macam ini?</i>	00:38:27 - 00:38:29	3 saat
2	<u>Akhlak.</u> Merendahkan OKU 	Dialog: <i>Ibu Faizal: Ibu tak nak cucu anak autisme? Bukan senang nak jaga?</i>	00:38:42 - 00:43:48	5 minit 6 saat
3	<u>Akhlak.</u> Ungkapan negatif 	Dialog: <i>Sasha: Jaga mulut kamu. Anak buah aku ni bukan bodoh..BODOH</i>	01:07:35 - 01:07:37	3 saat

4	<p><u>Akhlaq.</u> Kata-kata nista</p> 	<p>Dialog: <i>Kanak-kanak tadika: Cikgu...Danial gila! Danial gila!</i></p>	<p>00:38 :43 - 00:38:45</p>	<p>3 saat</p>
5	<p><u>Watak</u> Sentuhan tangan</p> 	<p>Sentuhan tangan Sasha ke atas tangan abang iparnya, Razlan. Bukan mahram</p>	<p>01:07:18 - 01:07:19</p>	<p>2 saat</p>
6	<p><u>Watak</u> Sentuhan ke bahu</p> 	<p>Sentuhan tangan Mak Jah ke baru Razlan</p>	<p>01:27:22 - 01:27:24</p>	<p>3 saat</p>
7	<p><u>Watak</u> Salam bukan mahram</p>  	<p>Razlan bersalaman dengan guru wanita berbangsa India</p> <p>Danial bersalaman dengan guru wanita</p>	<p>0:29:19 - 0:29:20</p> <p>01:32:54 - 01:32:55</p>	<p>2 saat</p> <p>2 saat</p>
8	<p><u>Watak</u> Tidak Redha</p> 	<p>Razlan campak kertas yang mengandungi mesej daripada Alina tanda protes</p>	<p>00:48:21 - 00:49:21</p>	<p>1 minit</p>

<p>9</p> <p><u>Pakaian</u> Wajib pakai tudung</p>   	<p>Alina di bilik tidur</p> <p>Alina di klinik untuk diognis Danial</p> <p>Sasha ketika berda dalam rumahnya</p>	<p>00:04:27 – 00:05:27 00:11:21 – 00:12:11 00:55:49 – 00:56:09</p>	<p>1 minit 50 saat 1 minit 40 saat</p>
<p>10</p> <p><u>Pakaian</u> Pakai tudung tetapi tidak sempurna</p>   	<p>Ibu Faizal di dapur berbual dengan Sasha</p> <p>Kawan Alina yang menghadiri re-union di Pulau Redang</p> <p>Mak Jah di Pantai menyuruh Razlan bermain dengan Danial</p>	<p>00:41:37 – 00:42:37 00:50:12 – 00:51:12 01:04:48 – 01:05:48</p>	<p>1 minit 1 minit 1 minit</p>

11	<p><u>Pakaian</u> Nipis hingga nampak baju dalam</p>  	<p>Alina ketika sampai di rumah Sasha</p> <p>Sasha menemani kakaknya Alina ke klinik</p>	<p>00:22:58 – 00:33:59</p> <p>00:55:39 00:56:03</p>	<p>10 min 1 saat</p> <p>24 saat</p>
12	<p><u>Pakaian</u> Ketat hingga nampak susuk tubuh</p>  	<p>Alina berkejar ke pantai mencari Danial</p> <p>Sasha merai kehadiran kakaknya di dalam rumah</p>	<p>00:08:25 – 00:09:00</p> <p>00:13:12 – 00:13:22</p>	<p>35 saat</p> <p>10 saat</p>
13	<p><u>Pakaian</u> Cukur alis mata</p> 	<p>Ain kwan Alina di gazebo sedang rancak berbual</p>	<p>01:18:52 – 01:19:02</p>	<p>10 saat</p>
14	<p><u>Pakaian</u> Lelaki memakai gelang tangan</p> 	<p>Azim di pantai se usai menyelamatkan Razlan daripada kelemasan</p>	<p>01:18:52 – 01:19:17</p>	<p>25 saat</p>
Total				<p>24 min 49 saat</p>

Jadual 4 adalah rumusan secara terperinci kriteria yang tidak signifikan dengan kepatuhan syariah dalam filem Redha berdasarkan keterangan yang lengkap, kod masa in-out dan durasi klip sejajar dengan syot serta scene. Total keseluruhan adalah 24 minit 49 saat.

Jadual 5: Rumusan Peratusan

Bil	Kriteria	Durasi	Peratus
1	Akidah	3 saat	1
2	Akhlag	5 min 12 saat	20
3	Watak	1 min 9 saat	4
4	Pakaian	18 min 25 saat	75
Total		24 min 49 saat	100

Jadual 5 adalah rumusan peratusan secara keseluruhan kriteria yang tidak signifikan dengan kepatuhan Syariah dalam filem Redha. Berdasarkan jadual 5 ini, peratus kriteria yang paling tinggi adalah pakaian iaitu 75 peratus bersamaan 18 minit 25 saat. Ia diikuti oleh kriteria akhlak iaitu 20 peratus bersamaan 5 minit 12 saat, kriteria watak 4 peratus bersamaan 1 minit 9 saat. Peratusan yang paling rendah adalah akidah iaitu 1peratus bersamaan 3 saat.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian di atas beberapa rumusan terhadap kriteria yang tidak signifikan dengan pematuhan syarak dalam filem Redha adalah seperti berikut;

Pertama: Total minit yang diambil secara sampel adalah 24 minit 49 saat.

Kedua: Pakaian adalah elemen yang paling banyak tidak menepati kriteria pematuhan syarak iaitu sebanyak enam elemen dalam durasi 18 minit 25 saat iaitu bersamaan 75 peratus daripada keseluruhan minit yang dikaji. Walau bagaimanapun, ia bersifat teknikal dan mampu untuk diselesaikan dan memerlukan anjakan paradigma di samping mengekalkan kreativiti.

Ketiga: Akhlak menduduki tempat kedua dengan durasi 5 menit 12 saat iaitu 20 peratus. Oleh itu perlu dipaparkan nilai kesejagatannya agar ia menjadi kunci kepada filem sebagai nilai hiburan yang mendidik jiwa ke arah takwa kepada Allah.

Keempat: Tiga elemen watak yang tidak mematuhi kriteria berkisar dari aspek sentuhan dan nilai berdurasi 1 minut 9 saat bersamaan 4 peratus. Sebagai solusi pemahaman terhadap agama dan budaya boleh menjadi batu asas skrip yang inovatif tetapi dalam kerangka syarak.

Kelima: Elemen akidah adalah sangat minimum dengan durasi 3 saat iaitu 1peratus ketidakpatuhan syarak. Namun ia merupakan neraca pertimbangan yang utama.

Filem Redha merupakan naskhah seni yang keluar dari tipikal filem melayu dari aspek garapan tema dan genre. Satu usaha yang sangat berani dan perlu diperbanyakkan di persada dunia perfileman. Namun, penambahbaikan khususnya dalam aspek pakaian perlu ambil langkah bagi menepati intipati patuh syariah.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (FRGS/1/2016).

RUJUKAN

Abdullah Said *et. al* (2011). *Teras Kemuliaan Islam*. Cet. 3. Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (2005). *Ihya' 'U/um al-Din*. Cet. 1. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Adi Prajaya (1999). *Film dan Masyarakat: Sebuah Pengantar*. Cet. 2. Jakarta: BP SDM Citra.

- Ahmad Bin Muhammad Abdullah (2015). *Riyadu Akhlaq Al-Solihin*. Cet. 1. Daghistan: Dar Al-Risalah.
- Al-Baghawi, Al-Husain Bin Mas'ud Bin Muhammad Bin Al-Farra' (1997). *al-Tahzib fi Fiqh Al-Imam Al-Syafie*. Jil. ke- 2. Beirut: Dar Kutub Al-Almiyah.
- Al-Shabuni, Muhammad 'Ali, *Rawa'i al-Bayan: Tafsir ayat al-Ahkam min al-Quran* (1997). Jil. ke- 2. Dimashq: Maktabah al-Ghazali.
- Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad (1935). *Al-Jami' li-Ahkam al-Quran*. Jil. ke- 14. Kaherah: Dar al-Katib al-'Arabi.
- Asiah Sarji (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme Dalam Industri Filem Malaysia*. Kuala Lumpur: Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
- Bahagian Dasar Kebudayaan (t.t), *Garis Panduan PUSPEL*, Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan dan Kebudayaan Malaysia (KPKK).
- Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasa (2011). *Garis Panduan Penapisan Filem*. Cet. 11. Kuala Lumpur: Kementerian Dalam Negeri (KDK).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2015). *Garis Panduan Hiburan dalam Islam*. Edisi 2. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2015). *Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam*. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2015). *Garis Panduan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam*. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2015). *Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur yang Bercanggah dengan Akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah*. Putrajaya: JAKIM.

Jafril Khalil, Konsep dan Falsafah Perundangan Islam, dalam Siti Zalikah Hj. Md. Nor (1999). *Al-Syariah: Konsep dan Perundangan Islam*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Heru Efendi (2002). *Mari Membuat Film: Panduan Menjadi Produser*. Cet. 4. Yogyakarta: Panduan.

Himawan Pratista (2009). *Memahami Film*. Yogyakarta: Pustaka Homerian.

Muhammad Bin Idris Al-Syafie (2002). *Al-Umm*. Jil. 1. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Bani, Muhammad Nashiruddin (1997). *Jilbab al-Mar'ah al-Muslimah fi al-Kitab wa al-Sunnah*. Cet. ke-5. Beirut: Al-Maktab Al-Islami.

(1958). *Silsilah al-Ahadith wa Shay' min Fiqhiha wa Fawa'idhiha*. Jil 1. Beirut: Al-Maktabah Al-Islami.

Muhammad Rashid Redha (1967). *Tafsir Al-Qur'an Al-Karim*. Jil. Vi. Kaherah: Darul Katib Al-Arabi.

Naim Hj Ahmad (2011). *Filem Islam Satu Perbincaraan*. Shah Alam: Uni-N Production Sdn. Bhd.

Noresah Baharom (2007). *Kamus Dewan*. Cet. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusuf al-Qaradhawi (1980). *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

WAWANCARA

Azahari Mohammad Zain (Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar, Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Fakulti Filem, Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah, Teater dan Animasi, juga Pengarah Filem 7 Petala Cinta 2012), dalam temubual dengan penulis, 21 April 2017.

Dr Anhar Bin Opir (SS Timbalan Mufti Selangor, Majlis Agama Islam, Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 28 April 2017.

Naim Hj Ahmad (ketua juri Anugerah Skrin 1998-2016, ketua juri Festival Filem Malaysia, ketua juri Anugerah Seri Angkara RTM, ketua juri Anugerah AMIN dan juri Festival Filem Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 25 April 2017.

Hairulazam Ramli (Ketua Unit Kawalan Kandungan TV Hijrah Media Corporation), dalam temu bual dengan penulis, 4 Mei 2017.

Suria Shapie dan Radihan Saari (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM), dalam temubual dengan penulis, 4 Mei 2017.

